

29/09/1999

PM hurai keutamaan politik, ekonomi (HL)

Ahmad Rejal Arbee in New York

NEW YORK, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menggariskan tiga tugas utama dalam bidang politik yang harus dilaksanakan Malaysia pada masa ini.

Tiga keutamaan itu ialah:

* Mewujudkan bangsa Malaysia yang bersatu padu daripada rakyat berbilang kaum, agama dan kebudayaan;

* Menentukan Malaysia terus bersikap progresif dan liberal dalam pandangan serta dasar dalam dan luar negaranya; dan

* Menentukan rakyat Malaysia boleh terus aman dan makmur serta berada dalam keadaan harmoni dan stabil setiap masa.

Dalam ucapannya bertajuk 'Keutamaan politik dan ekonomi Malaysia hari ini' pada majlis makan tengah hari anjuran Majlis Perhubungan Luar Amerika di sini, Dr Mahathir turut menghuraikan dengan panjang lebar keadaan yang telah dan sedang dihadapi negara.

Dalam bidang ekonomi juga, katanya, negara mempunyai tiga keutamaan, iaitu reformasi struktur dalaman, kestabilan ringgit dan reformasi kewangan antarabangsa.

Katanya, tugas utama negara tidak akan berakhir selagi penduduk Melayu, Cina, India, Kadazan, Iban dan kaum lain tidak mahu mengaku terlebih dulu bahawa mereka dan rakan yang lain sebagai bangsa Malaysia, sebelum menganggap diri mereka orang Melayu, Cina atau kaum lain.

Beliau yang dalam rangka lawatan empat hari ke sini berkata, tugas itu juga tidak akan berakhir selagi pelbagai kaum itu tidak dapat hidup dalam suasana saksama dengan berkongsi sebagai rakan sebenar tanpa mempunyai prasangka ditindas, terpinggir atau terpercil.

Dr Mahathir percaya dasar berimbang, saksama dan adil yang dijalankan dalam semua bidang, politik, pendidikan, pembangunan ekonomi dan penghapusan kemiskinan, sudah memberi banyak manfaat walaupun dengan kos yang tinggi.

Dasar itu juga, katanya, membolehkan Malaysia mencapai kemajuan besar dalam mewujudkan satu bangsa sejak pertumpahan darah dalam tragedi 13 Mei 1969.

Perdana Menteri berkata, program tindakan yang tegas untuk mengatasi perbezaan dalam kemajuan ekonomi antara kaum serta usaha meningkatkan penyertaan pelbagai kaum dalam politik negara, jelas membawa kemajuan positif dan akan terus dilaksanakan sehingga soal perkauman tidak lagi mempengaruhi tindak tanduk rakyat.

Walaupun Malaysia sudah mencapai kejayaan yang boleh dibanggakan dalam hubungan kaumnya, bahaya sentimen perkauman serta agama masih wujud dan tidak harus disemarakkan sebagaimana berlaku di Kosovo atau Bosnia-Herzegovina.

Malaysia juga perlu terus progresif, bertolak ansur dan liberal. Tidak lama lagi negara akan menghadapi pilihan raya dan rakyat mempunyai hanya dua pilihan - menyokong Barisan Nasional (BN) yang dianggotai 14 parti yang stabil atau menyokong gabungan longgar alternatif yang didokong Pas yang berjaya menggunakan isu pemecatan dan penahanan Datuk Seri Anwar Ibrahim, untuk faedah parti itu.

Pas terkenal dengan penyalahgunaan Islam untuk kepentingan politiknya tanpa memegang kepada ajaran Islam sebenar yang mendokong keamanan dan toleransi terhadap orang lain.

Dr Mahathir berkata, dalam tempoh menghadapi pilihan raya kini ramai

orang asing termasuk dari Amerika Syarikat sedang berusaha mendokong puak pembangkang.

Tetapi mereka ini harus dapat membezakan dua pilihan itu, iaitu barisan yang didokong Umno yang berpegang kepada dasar progresif, bertolak ansur, liberal dan berfikiran ke depan berbanding gabungan longgar yang mana Pas menjadi parti dominan bukan saja tidak mempunyai rekod sebagai kerajaan yang baik tetapi tidak bersikap tolak ansur.

Kerajaan, katanya, mempunyai tanggungjawab menentukan negara sentiasa dalam keadaan aman bagi majoriti rakyatnya.

Oleh itu, ia tidak boleh menerima keganasan di jalanan dan kekacauan yang boleh menjejaskan keamanan negara seperti yang berlaku di Indonesia.

Katanya, tidak ada sebarang perkara yang dipertikaikan atau tidak dipersetujui, yang tidak boleh diatasi melalui proses demokrasi.

Mengenai kedudukan ekonomi, beliau hairan kenapa negara terus dikecam walaupun sudah melaksanakan pelbagai pembaharuan, malah dapat menstabilkan ringgit dan kini mengharapkan reformasi kewangan antarabangsa.

Selagi kedudukan kewangan global tidak dapat dibaiki dengan mengadakan suatu kerangka baru, Malaysia tidak akan menarik balik langkah kawalan modal berpilih yang dilaksanakan bagi menstabilkan ringgit.

Beliau berkata, tidak ada sebab kenapa pedagang mata wang yang sudah kaya raya, harus dibenarkan menyekat reformasi kedudukan kewangan global.

Perdana Menteri kesal dengan cakap-cakap kononnya akan wujud suatu kerangka baru kewangan global kerana mereka yang menguasai kedudukan kewangan global tidak akan mahu diadakan reformasi selagi mereka dapat menekan mata wang dunia mengikut kehendak mereka.

Pedagang begini tidak langsung menghiraukan akibat tindakan mereka terhadap rakyat negara mangsa yang kehilangan pekerjaan, tidak dapat membeli makanan dan ubat-ubatan dan terus dilanda huru hara, asalkan mereka mendapat keuntungan yang berlebihan.

Beliau berkata, Malaysia sudah mengalami kegawatan yang begitu ketara dan melihat betapa buruknya huru-hara yang menimpa sesetengah negara akibat tekanan terhadap mata wang mereka.

Oleh itu, kerajaan tidak akan membenarkan perkara itu berulang di Malaysia.

"Negara sudah pun berjaya menguruskan rakyat berbilang kaumnya serta kedudukan ekonominya yang begitu kompleks dengan baik. Sudah tentulah usaha-usahanya itu betul," katanya.

(END)